

# UMNO tidak akan menindas orang lain-Dr.M

UM 15 MAR 1983

LONDON 14 Mac - Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad memberi jaminan bahawa UMNO tidak akan digunakan untuk menindas orang lain sebaliknya ia merupakan satu senjata untuk orang-orang Melayu mempertahankan diri.

Kata Perdana Menteri: "Ia adalah untuk mempertahankan diri sementara kita mendidik bangsa kita supaya sebanding dengan orang lain."

Beliau memberitahu ahli-ahli UMNO yang meraikannya dalam satu majlis minum petang di sini petang semalam bahawa setiap bangsa mempunyai hak untuk hidup secara harmoni tanpa sesiapa memandang rendah kepadanya.

"Itu sahaja yang kita mahu, bukan mahu bangsa lain merangkak untuk mencium kaki kita kerana kita juga tidak mahu buat macam itu

pada mereka," tegasnya.

Datuk Sri Dr. Mahathir menarik perhatian bahawa apa yang telah diperkatakan selama ini ialah untuk mewujudkan sebuah masyarakat dalam mana bangsa kita dihormati.

"Saya tidak hendak tunduk pada sesiapa. Pada Britain pun saya tak tunduk dan akhirnya mereka faham juga," jelasnya.

Beliau mahu para pelajar supaya tidak segan silu menyebarkan faham kebangsaan Melayu kerana fahaman itu atau nasionalisme Melayu bukan bertujuan untuk menguasai atau menindas bangsa lain.

"Tetapi kita kenalah memikirkan masa depan bangsa kita kerana setiap bangsa mempunyai hak untuk diam secara harmoni tanpa sesiapa memandang rendah kepadanya," tegas beliau.

Sebelum itu, Perdana Menteri membayangkan kepada para pelajar bahawa usaha untuk menolong orang-orang Melayu memperbaiki kedudukan ekonomi mereka akan diteruskan selepas pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru tamat dalam tahun 1990.

Katanya, orang-orang Melayu belum lagi mencapai persamaan dengan orang lain" jadi kita terpaksa teruskan, mungkin bukan dalam bentuk yang sama, tetapi dengan cara lain.

"Yang pasti, kita mesti teruskan," tegasnya.

Dalam hubungan ini beliau menyebut peranan penting yang perlu dimainkan oleh pemimpin muda dalam UMNO.

Menurutnya, pucuk pimpinan yang sedia ada tentu tidak dapat berbuat demikian lagi dan orang-orang yang mesti mengambil alih mesti berkebolehan tetapi

berkebolehan dan terdidik sahaja tidak cukup kerana ini politik.

Beliau mahu ahli-ahli UMNO mempelajari sebanyak mungkin ilmu pengurusan yang penting untuk digunakan bagi mengendalikan kerajaan.

Katanya: "Mengurus negara sama seperti kita mengurus sebuah syarikat besar dengan 800 hingga 900 ribu orang pekerja. Kalau kita tidak pandai mengurus, tengoklah apa yang jadi dengan syarikat-syarikat yang mempunyai pengurus yang tidak cekap."

Datuk Sri Dr. Mahathir memberitahu walaupun beliau terlatih sebagai doktor tetapi sebaik sahaja menyertai kerajaan, beliau terpaksa belajar ilmu pengurusan sendiri.

Menuntut berbagai bentuk ilmu juga merupakan sebahagian dari ibadah yang diminta oleh Islam, jelasnya.